



Datuk Musa sampaikan amanat

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

T I M B A L A N
Perdana Menteri,
Datuk Musa Hitam
(mengadap kamera
dua dari kiri)
menyampaikan
ucapan alu-aluannya
kepada ahli Majlis
Perhutanan Negara,
s e b e l u m
bermesyuarat di
Bilik Gerakan
Negara, Jabatan
Perdana Menteri,
Kuala Lumpur,
semalam.

Menghadiri sama
mesyuarat tersebut,
Menteri Perusahaan
Utama, Datuk Paul
Leong, Menteri
Perdagangan dan
Perindustrian
Tengku Ahmad
Rithauddeen,
Menteri Pertanian
Datuk Haji Abdul
Manan Othman,
Timbalan Menteri
Kewangan, Datuk
Najib Tun Razak
serta Menteri-
menteri Besar dan
Ketua-ketua
Menteri.

D a l a m
ucapannya, Datuk
Musa yang juga
pengerusi Majlis
Perhutanan Negara,
menyesali tindakan
beberapa Kerajaan
Negeri melanggar
Dasar Perhutanan
N e g a r a y a n g
diluaskan 1977.

Katanya, akibat
perlanggaran dasar
tersebut, kira-kira
700,000 ekar tanah
hutan simpan kekal
telah dibuka untuk
p e m b a n g u n a n
pertanian.

Datuk Musa juga
m e n e g a s k a n
beberapa Kerajaan
Negeri belum
melaksanakan
sepenuhnya Dasar
Perhutanan Negara.

Gambar Berita
Harian.